

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/89

RAW 142 - Prinsip-Prinsip Rekaan Seni Bina

Tarikh: 28 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja. Soalan SATU WAJIB.

1. (Soalan Wajib)

Anda dikehendaki membuat lakaran konsep dengan bantuan nota ringkas tentang perkara berikut:

- (a) Bentuk subtraktif
- (b) Bentuk Aditif
- (c) Bentuk Pemusatan
- (d) Bentuk Kelompok
- (e) Bentuk tidak teratur
- (f) "Ruang Terkandung"
- (g) "Ruang Gabungan"
- (h) "Ruang Perantaraan"

( 20 markah )

2. Huraikan dengan ringkas DUA daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Rumah 'The Falling Water'
- (b) Gereja Ronchamp
- (c) Istana Sri Menanti, Negri Sembilan
- (d) Bangunan Taj Mahal, India

( 20 markah )

3. Bincangkan satu daripada 3 pernyataan berikut:

- (a) "Bentuk menuruti Fungsi"  
("Form Follows Function") Sullivan
- (b) "Kurang itu lebih"  
("Less is more") Mies Van Der Rohe
- (c) "Kurang itu membosankan"  
("Less is bore") Robert Venturi

( 20 markah )

4. Nyatakan fungsi tekstur pada bangunan. Apakah kriteria pemilihan tekstur dan prinsip-prinsip penggunaannya?

( 20 markah )

5. Huraikan makna dan simbolisme berhubung dengan prinsip-prinsip rekaan tentang SATU daripada perkara berikut:

- (a) Bentuk
- (b) Rupabentuk
- (c) Warna

( 20 markah )

6. Dengan bantuan lakaran huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi bentuk sesebuah kediaman atau bangunan.

( 20 markah )

7. Bincangkan dengan ringkas SATU daripada tajuk-tajuk berikut:

(a) Sistem Ken

(b) Sistem Modulo

(c) Sistem Mengukur Tradisional Melayu

( 20 markah )

MINTA PERHATIAN

KERTAS SOALAN RGW III  
SAINS UNTUK PBP  
DIKELUARKAN DENGAN ARAHAN  
PENOLONG PENDAFTAR (PEPERIKSAAN)  
(RUJ: UP.474/PER/GEN. BERTARIKH 28/9/1989)

SEKIAN. TERIMA KASIH.